

Headline	Sumber bekalan dadah perlu dilumpuhkan	Language	Malay
Date	02 Jun 2010	Page No	28
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	179 cm²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	2,441
Frequency	Daily	PRValue	7,323
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		



Sumber bekalan dadah perlu dilumpuhkan

PENAGIHAN dan penyalahgunaan dadah adalah antara punca utama dikenal pasti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) sebagai pencetus pelbagai kejadian ragut, pecah rumah dan lain-lain jenayah.

Kecuali masalah penagihan dadah dapat diatasi, banyak jenayah yang berkait rapat dengan dadah akan terus berlaku. Individu, keluarga, sekolah, pertubuhan agama, agensi kerajaan serta pihak swasta harus bekerjasama dalam usaha membendung gejala penyalahgunaan dadah dalam masyarakat.

Pendidikan, pencegahan dan penguatkuasaan adalah kunci kepada kejayaan membanteras najis dadah di negara kita. Di sekolah, pelajar haruslah diberitahu mengenai bahaya penggunaan da-

dah, fakta penting, kesan serta simptomnya. Mereka hendaklah mengetahui dan memahami pengaruh negatif desakan rakan sebaya dan cara menanganinya.

Wujud keperluan untuk membina harga diri dan membantu pelajar mencari aktiviti alternatif yang bersifat positif. Remaja pelbagai kaum mesti menyebarkan mesej tanpa dadah sesama mereka di sekolah dan di luar sekolah. Pendidikan moral hendaklah diperkukuhkan untuk mengelak penyalahgunaan dadah.

Ketika negara kita sedang bergelut dengan pelbagai masalah sosial, terutama berkaitan ketagihan dadah dan AIDS, menjadi keperluan kepada ibu bapa memberi dan menunjukkan komitmen lebih tinggi dalam membesarkan anak supaya menjadi rakyat yang sihat dan pro-

duktif.

Kejayaan Malaysia menjadi negara perindustrian serta negara maju banyak bergantung kepada kualiti institusi kekeluargaan. Wujud keperluan untuk membina sebuah unit keluarga yang kukuh serta dapat menjadi teras kepada masyarakat sihat dan stabil serta mampu menangani dadah dan gejala sosial lain.

Ibu bapa harus sedar bahawa ketagihan dadah adalah pintu kepada gejala kurang sihat dan juga membawa ke arah melakukan jenayah.

Kini semakin jelas di mata masyarakat bahawa institusi kekeluargaan memainkan peranan penting dalam memerangi penyalahgunaan dadah kerana ia adalah mekanisme pertahanan utama dalam memerangi masalah sosial dihadapi masyarakat

kita ketika ini.

Walaupun penguatkuasaan undang-undang penting, apa yang lebih utama ialah keupayaan kita untuk membanteras kemasukan dadah ke dalam rumah, sekolah dan masyarakat melalui kekuatan institusi keluarga ini.

Kita tidak boleh membiarkan keluarga yang menjadi unit asas dan penting dalam masyarakat kita lerai dan runtuh begitu saja akibat penyalahgunaan dadah. Ia bukan hanya suatu tragedi, malah malapetaka kepada ibu bapa apabila menyaksikan anak yang mereka besarkan sejak kecil, perlahan-lahan merosakkan diri mereka melalui penyalahgunaan dadah.

**TAN SRI LEE
LAM THYE,**
Naib Pengerusi MCPF.